

11 JUN 2001

MAHATHIR-ISLAM

NEGARA ISLAM PERLU MENENTANG PENGUASAAN PASARAN OLEH FIRMA GERGASI

KUALA LUMPUR, 11 Jun (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menyeru negara-negara Islam supaya berganding tangan dengan negara-negara membangun untuk menentang cubaan untuk menguasai pasaran oleh mereka yang menubuhkan bank dan syarikat besar yang menghalang sebarang pertumbuhan atau perkembangan perniagaan baru.

"Monopoli dan oligopoli mesti disekat," kata beliau.

"Tidak dinafikan, syarikat besar dengan modal yang banyak lebih efisien, iaitu mengurangkan kos dan meningkatkan kualiti, tetapi negara-negara Islam telah mampu mencapai tahap kecekapan dan kualiti produk telah ditingkatkan tanpa syarikat dan bank yang besar itu," katanya.

"Proses ini mungkin lebih perlahan, tetapi kecekapan and kualiti bukan statik," katanya di seminar antarabangsa mengenai Kesan Globalisasi Terhadap Dunia Islam yang dihadiri oleh peserta dari negara anggota Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) dan dianjurkan oleh Kementerian Luar dan Institut Diplomasi dan Perhubungan Luar di Jabatan Perdana Menteri, di sini.

Dr Mahathir berkata bahawa "walaupun dengan syarikat-syarikat besar, penyelidikan dan pembangunan perlu diteruskan bagi memperbaiki hasil dan produk sepanjang masa."

Tanpa kehadiran gergasi yang memonopoli, yang kecil mempunyai harapan untuk membina perniagaan secara bebas, untuk berinovasi dan mendapat kejayaan.

Dalam kesedaran terhadap globalisasi, perlindungan bagi industri tempatan perlu dibenarkan agar mereka sekurang-kurangnya bersedia untuk bersaing dengan syarikat-syarikat multinasional berkenaan, kata beliau

Dr Mahathir berkata kadar kemajuan globalisasi mesti diperlahankan setelah ia mara dengan begitu pantas.

Negara-negara membangun tidak mampu untuk mengikutinya walaupun dengan rundingan mengenai perdagangan dunia dan dengan ramai pakar dari negara-negara kaya, pasukan rundingan mereka tidak dapat membuat kemajuan, katanya.

Dr Mahathir juga berkata perdagangan matawang perlu di kawal selia dan telus sekiranya perlu diadakan perdagangan matawang.

Beliau berkata satu pertubuhan antarabangsa boleh ditubuhkan bagi menentukan sama ada perubahan dalam kadar pertukaran adalah perlu.

Dr Mahathir berkata terdapat banyak perkara yang boleh dilakukan dengan regim kewangan antarabangsa yang boleh menstabilkan kadar pertukaran dan membebaskan perdagangan antarabangsa daripada kadar pertukaran yang tidak menentu.

"Ini adalah antara beberapa perkara yang boleh dilakukan untuk menjadikan globalisasi kurang merbahaya kepada negara-negara membangun. Mungkin banyak lagi pengubahsuaian yang boleh dilakukan kepada globalisasi bagi memastikan ia akan memberi faedah kepada semua," katanya.

Dr Mahathir berkata semasa mereka cuba untuk mengubah atau melengah-lengahkan globalisasi, negara-negara Islam tidak boleh menunggu hasil tindakan mereka.

"Kita perlu bersedia untuk menangani bahaya akibat globalisasi dan mempelajari semua teknologi dan aplikasi yang ditawarkan," kata Dr Mahathir.

Oleh itu, beliau berkata, mempelajari mengane teknologi maklumat (IT), tidak perlu terbatas kepada aplikasinya sahaja.

Beliau berkata orang Islam mesti berupaya untuk membangunkan perisian asas dan pelbagai jenis aplikasi untuk pemprosesan mikro bukan sahaja dalam komputer dan komunikasi, tetapi juga dalam kejuruteraan, automasi jentera dan robot, instrumen-instrumen canggih lain dan segala jenis aplikasi lain

Daripada asas ini, katanya, negara-negara Islam mesti "memajukan industri pembuatan sendiri bagi mengurangkan penggantungan terhadap yang lain."

"Kita bukan hendak mengatasi negara maju tetapi kita perlu mampu mengejar mereka agar setanding dengan mereka, atau sekurang-kurangnya tidak ketinggalan begitu jauh sebagaimana kita sekarang," kata beliau.

Dr Mahathir berkata negara-negara Islam dan kerajaan Islam bertanggungjawab untuk memastikan bahawa globalisasi tidak akan menyebabkan negara-negara mereka terpinggir sebagaimana yang berlaku dengan Revolusi Perindustrian dan Era Industri.

Beliau berkata orang Islam yang sederhana dan rasional mesti mencuba untuk memahami globalisasi, teknologi yang menggerakkannya dan kemungkinan globalisasi dalam bentuk tertentu atau yang lain.

Dr Mahathir mengulangi bahawa orang Islam mesti bersedia untuk bukan hanya melindungi diri daripada bahaya tetapi untuk menggunakan globalisasi bagi mengejar negara-negara maju dalam kedua-dua IT dan kapasiti perindustrian.

"Kita tidak boleh melepaskan peluang ini sekiranya kita mahu mengekalkan kebebasan kita dan agama serta nilai kita.

"Sama ada kesan globalisasi terhadap kita akan memberi kebaikan atau tidak bergantung kepada kita. Menyalahkan orang lain tidak akan membawa kita ke mana-mana," kata Dr Mahathir lagi. -- BERNAMA

WNZ FR NHD JR